

**SOALAN NO : 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam mewujudkan Jawatankuasa Bertindak Banjir bertepatan bagi memberi perkhidmatan dan persediaan yang lebih baik ketika hendak menghadapi banjir dan adakah Kerajaan berhasrat menetapkan bantuan kewangan dalam nilai tetap (mengikut kategori kerugian) kepada mangsa banjir bagi membantu meringankan beban mereka.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) melalui Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012) dengan jelas telah menerangkan mengenai kaedah koordinasi gerak kerja khusus dalam pengurusan bencana di setiap peringkat pentadbiran. Jawatkuasa Pengurusan Bencana peringkat Daerah, Negeri dan Pusat yang mana masing-masing dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas sepetimana yang terkandung di dalam Arahan MKN No. 20 pada peringkat sebelum berlaku bencana, tindakbalas semasa bencana serta pemulihan selepas bencana.

Selain itu, *Standard Operating Procedure (SOP)* Pengendalian Bencana Banjir telah dikeluarkan MKN, JPM sebagai panduan Jabatan/Agensi dalam menangani bencana berkenaan dengan lebih bersepadu, terselaras dan berkesan.

Bagi menambahbaik gerak kerja pengurusan bencana juga, Pelan Kontingensi Menghadapi Situasi Banjir Ekstrem yang telah digunakan oleh agensi-agensi pengurusan bencana bermula pada 16 Disember 2013 lalu di mana tugas dan tanggungjawab setiap agensi telah ditambahbaik termasuklah kaedah menangani bencana

banjir luar jangka. Pelan ini perlu dibaca bersama dengan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir.

Pelaksanaan tindakan oleh Jabatan/Agenzi yang terlibat dalam menangani bencana banjir dalam aspek-aspek pencegahan, persediaan, tindakan balas serta bantuan dan pemulihan hendaklah sentiasa memberi tumpuan kepada kecemerlangan tugas yang dijalankan supaya segala penggunaan sumber dalam menangani bencana yang berlaku memberikan hasil yang maksimum ke atas keselamatan awam (*public safety*).

Manakala bagi membantu meringankan beban penyaluran wang tunai RM500 kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir. Bantuan yang diberikan ini bukanlah ganti rugi atau pampasan sebaliknya bantuan ihsan yang bersandarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian.Terima kasih.